

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Huawei, REDtone terima anugerah CSM	Berita Harian
2.	A bird? A plane? No, it's supermoon!	The Star
3.	Supermoon bermula pukul 7.24 malam ini	KOSMO
4.	Full moon larger than usual tonight	New Straits Times
5.	Trauma belum hilang	Harian metro
6.	Paras air laut bakal meningkat 3 meter	Harian Metro
7.	Nelayan pindahkan bot jauh dari pantai	Harian Metro
8.	Beware the king tides	New Straits Times
9.	Flood forecast now possible seven days in advance	The Star
10.	'I want to be safe, not sorry'	The Star
11.	Siap sedia hadapi supermoon	Sinar Harian
12.	Bendera merah sudah berkibar	Sinar Harian
13.	Kawalan kualiti madu kelulut	KOSMO

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B9
TARIKH : 14 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

Huawei, REDtone terima anugerah CSM

[FOTO IHSAN HUAWEI]

Huawei dan REDtone menerima anugerah tahunan Projek Cybersecurity yang dianjurkan oleh CyberSecurity Malaysia (CSM), baru-baru ini.

Ini adalah anugerah keselamatan siber kedua yang diterima Huawei daripada CSM sejak tahun 2014.

Anugerah itu disampaikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau kepada Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Malaysia, Abraham Liu.

Anugerah Keselamatan Siber Malaysia diwujudkan untuk memberi penghargaan kepada individu dan organisasi yang menyumbang kepada keselamatan keselamatan atau maklumat siber Malaysia.

Pada tahun 2014, Huawei menerima anugerah hasil daripada pelaburan besar dan pembaharuan berterusannya dalam keselamatan siber.

Anugerah itu adalah pengiktirafan kepada amalan terbaik industri Huawei yang menghasilkan sistem keselamatan siber kompre-

hensif dan boleh dipercayai di seluruh dunia.

Pengiktirafan

Tahun ini, CSM dan badan penasihat, Deloitte memutuskan anugerah itu diberikan kepada Huawei dan REDtone, sebagai pengiktirafan terhadap perkhidmatan awam B2B untuk kerajaan dan perniagaan yang terbesar di Malaysia.

Abraham Liu berkata, pihaknya amat berbesar hati untuk menerima anugerah daripada kerajaan Malaysia sekali lagi.

Katanya, ini adalah satu pengiktirafan kepada usaha syarikat dalam keselamatan siber, dan juga menggalakkan REDtone untuk melakukan penambahbaikan dalam bidang berkaitan.

"Sebagai penyedia utama ICT global, Huawei komited untuk menyediakan penyelesaian inovatif dan boleh dipercayai kepada pelanggan di Malaysia sejak kami memulakan perniagaan di sini pada tahun 2001," katanya.



Huawei menerima anugerah tahunan Projek Cybersecurity yang dianjurkan oleh CyberSecurity Malaysia (CSM), baru-baru ini.

A bird? A plane? No, it's supermoon!

Earth's closest celestial body to shine at its brightest in 68 years tonight

By BERNARD SEE, HANIS ZAINAL
and R. SEKARAN
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Gaze at the sky at dusk today and you will be with millions of others all over the world looking at a supermoon, weather permitting.

The moon will be at its largest in 68 years. Miss this supermoon and you will have to wait 18 years to catch the next one.

According to the National Space Agency (Angkasa), the supermoon will happen at 7.24pm and become full at 9.54pm.

The agency's head of space science research unit, Zahira Mohd Radzi, said it can be viewed from 7.24pm until dusk the next day from any place with good visibility of the sky.

"You see the romantic quote posted on social media that says, 'We can stare at the same moon, even though you are far away and I am here'?"

"The supermoon can be seen from everywhere, weather permitting," Zahira told *The Star*.

In astronomy, the occurrence is called perigee, where the moon is nearest to Earth.

"So the moon will be seen to be bigger, brighter and clearer," she said.

Most notably, it will look its largest in almost seven decades because it will be at its closest to Earth



Super-sized:
A picture of the moon nearing its fullest, taken on Saturday.

in that period.

Angkasa, she said, will not be organising any public viewing event because "the weather isn't good these days" but urged Malaysians to take the opportunity to catch the sight.

"It will not happen again for

another 18 years," she said.

The phenomenon has happened before, on May 6, 2012, June 23, 2013, Aug 10, 2014, and Sept 28, 2015, according to Angkasa.

In George Town, Penang Astronomical Society president Dr Chong Hon Yew noted that the

moon will only be 356,509km from Earth, compared to the average 384,400km.

It will appear 14% bigger and some 30% brighter than normal.

"This is not to be missed because the next one will be in 2034, when it will be even closer by 64km to

Earth," he added.

Dr Chong urged the public to turn up at Universiti Sains Malaysia's Padang Kawad in Jalan Sultan Azlan Shah between 9pm and midnight with their cameras, which can be attached to the telescopes provided.

Among the stargazers will be USM Astronomy Club president Chai Hong Xuan and vice-president Ching Jia Chuin, both 21.

They were spotted on Saturday promoting the supermoon event with Dr Chong at the Penang International Science Fair 2016 at SPICE Arena in Relau.

Chai said the club was encouraging all its 200 members to witness the spectacle, adding that they are expecting about 300 people at the field.

Engineer K.W. Loh, 44, will be there with his son, an astronomy fan.

"My son has been bugging me about it. And I am looking forward to taking a photograph of the 'bigger' moon and using the image as my laptop wallpaper."

"I just hope the sky will be cloud-free," he said.

For more information, call Dr Chong at 016-315 7318, or Chai at 016-748 0919.

Members of the public can go to Angkasa's website, Facebook page and Twitter account for more information and to share images of the supermoon.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 14 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

Supermoon bermula pukul 7.24 malam ini


Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

KUALA LUMPUR – Fenomena *Supermoon* yang membuatkan bulan kelihatan lebih bercahaya dan lebih besar daripada biasa boleh disaksikan di seluruh negara bermula pukul 7.24 malam ini.

Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dalam satu kenyataan berkata, fasa penuh *Supermoon* atau purnama akan berlaku pada pukul 9.54 malam.

Fenomena *Supermoon* kali ini dikatakan antara yang paling hampir dengan bumi sejak 68 tahun yang lalu.

“Ia merupakan satu fenomena astronomi di mana bulan akan berada di kedudukan paling hampir dengan bumi yang dikenali



FENOMENA *Supermoon* akan menyebabkan air laut menjadi pasang hingga mengakibatkan banjir di kawasan pesisir pantai di negara ini. – Gambar hiasan

sebagai Perigi pada pukul 7.24 malam. Perigi merujuk

kepada titik orbit bulan yang paling dekat dengan bumi.

“Oleh sebab kedudukannya di Perigi, bulan akan kelihatan lebih besar daripada biasa,” kata kenyataan itu.

Sementara itu, menurut Pentadbiran Aeronautik dan Agensi Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA), jarak bulan dan bumi pada waktu ini ialah 356,509 kilometer (km) iaitu di kedudukan paling hampir dengan bumi sejak 1948.

Purata jarak bumi dengan bulan ialah 384,400 km.

“Jarak dekat tersebut akan membuatkan bulan kelihatan 14 peratus lebih besar dan 30 peratus lebih cerah berbanding biasa,” kata kenyataan itu yang memberitahu fenomena serupa dijangka berlaku 18 tahun lagi apabila bulan berada 64km lebih hampir dengan bumi.

Full moon larger than usual tonight

GEORGE TOWN: Malaysians should not miss the chance to see the larger-than-usual full moon during the supermoon phenomenon tonight.

Astronomical Society of Penang president Dr Chong Hon Yew said the larger-than-usual full moon could be seen with the naked eye at 9.52pm.

He said at 7.20pm, the moon would be closest to Earth, called the perigee.

The distance from Earth to the moon at that time would be 356,569km.

At 9.52pm, stargazers would get to see the full moon and the distance from the earth to the moon at this time would be 356,523km.

The average distance from Earth to moon is 384,402km.

"Although the supermoon phenomenon is not a rare occurrence, tomorrow's (tonight's) full moon is larger than usual.

"During this supermoon event, the moon will be in the constellation of Taurus," he told the *New Straits Times*.

"The supermoon will be 14 per cent larger and 30 per cent brighter than the usual full moons.

"As such, Malaysians should take the opportunity to catch the full moon tomorrow.

"The next time you get to see this will be in 2034."

Stargazers in Penang can go to Padang Kawat, Universiti Sains Malaysia, to view the supermoon beginning at 9pm.

Chong urged Malaysians to join in the event, saying that "looking at the supermoon through a telescope promises to be an astonishing experience."

He said that during the supermoon phenomenon, the tides in the seas would be exceptionally high.

"But six hours before and after the supermoon phenomenon, the tides will be exceptionally low."

According to Nasa, the moon will appear especially bright because it would be the closest it had ever been to Earth since 1948.

There will not be another supermoon like this one until Nov 25, 2034.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 14 NOVEMBER 2016 (ISNIN)



SEORANG penduduk melihat keadaan ombak besar di Pantai Tanjung Gelam, Mengabang.



ROKIAH (kanan) bersama cucunya memindahkan barang di tempat yang lebih tinggi.



FENOMENA SUPERMOON

TRAUMA BELUM HILANG

■ Penduduk bimbang bakal dilanda air pasang besar kesan kejadian bulan besar malam ini



“ Demi keselamatan anak dan cucu, kami sanggup berpindah ”
Rokiah Ali

Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

Supermoon atau nama saintifiknya 'Lunar Perigee' yang dijangka berlaku hari ini mengundang kebimbangan kepada penduduk di sekitar pesisiran pantai di Mengabang Telipot, di sini, kerana air pasang besar dijangka melanda kesan fenomena berkenaan.

Penduduk Kampung Tengah, Mengabang Telipot, Rokiah Ali, 73, berkata, dia masih trauma dengan kejadian air pasang besar tahun lalu dan bimbang fenomena Supermoon mencetuskan gelombang dan ombak lebih kuat.

Menurutnya, oleh itu, dia dan keluarganya melakukan persiapan awal dengan memindahkan barangan yang berharga ke tempat selamat.

"Kami kurang pasti kesan daripada fenomena Supermoon ini, tetapi berasa agak bimbang juga sekiranya ia boleh menyebabkan air pasang besar dan om-

bak besar.

"Saya dan keluarga berasa tidak aman tinggal di rumah yang hanya 10 meter dari pantai, jika diberi pilihan sudah lama kami berpindah ke tempat lain," katanya.

Menurutnya, dia dan lima anak termasuk seorang cucu terpaksa pindah ke rumah saudaranya tahun lalu kerana air pasang menyebabkannya masuk hingga dalam rumah.

"Walaupun saya tinggal di tepi pantai sejak kecil dan menyayangi kawasan kampung ini tetapi demi keselamatan anak dan cucu, kami sekeluarga sanggup berpindah ke tempat lain.

"Sebelum ini ada pihak yang pernah berjanji akan menyediakan penempatan lain kepada penduduk di sini tetapi sehingga sekarang tiada sebarang perkembangan mengenainya," katanya.

Scorag lagi penduduk, Rohayu Idris, 38, berkata, dia tidak lena tidur berikutan bimbang kejadian yang tidak diingini berlaku susulan daripada fenomena Supermoon itu.

"Kami harap fenomena itu tidak memberi kesan kepada keadaan air laut dan angin.

"Hanya Tuhan tahu perasaan pendu-

SAMBUNGAN...
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 14 NOVEMBER 2016 (ISNIN)



SEORANG penduduk melihat keadaan tebing pantai yang terhakis dibadai ombak.

duk kampung apabila melihat rumah dipukul ombak dan berharap batu yang ditambak di pesisiran pantai dapat bertahan," katanya.

Anuar Mamat, 56, berkata, rumahnya hanya 50 meter dari pantai menyebabkan dia turut berasa bimbang sekiranya berlaku air pasang besar disebabkan fenomena Supermoon itu.


"Saya dan keluarga sudah bersiap sedia daripada awal bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Segala peralatan elektrik dan barangan berharga sudah disimpan ke tempat yang lebih selamat selain sentiasa peka dengan jadual air pasang dan surut," katanya.

Menurutnya, kawasan penempatan di sepanjang pantai Mengabang Telipot hingga ke Batu Rakit dijangka akan mengalami nasib sama setiap tahun akibat fenomena air pasang besar dan kali ini dijangka berlaku pula Supermoon yang belum diketahui kesannya.

Fenomena Supermoon yang dijangka terbesar dan berada pada jarak paling dekat dengan Bumi sejak 68 tahun lalu berlaku pada jam 7.24 malam dan seterusnya berada pada fasa penuh atau purnama pada jam 9.45 malam ini.

Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) mengesahkan fenomena itu pernah berlaku pada 6 Mei 2012, 23 Jun 2013, 10 Ogos 2014 dan 28 September 2015 tetapi kejadian kali ini adalah Supermoon terbesar.

KEADAAN ombak di Kampung Mengabang tengah semakin bergelora pada musim tengkujuh.



KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 14 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

Kuala Lumpur

Paras air laut bakal meningkat 3 meter

Fenomena 'Lunar Perigee' atau Supermoon yang dijangka berlaku malam ini akan menambah lagi kenaikan paras air laut sekaligus memberi kesan kepada fenomena air pasang besar juga dijangka bermula hari ini.

Naib Presiden Jawatankuasa Sainifik Penyelidikan Antartika (SCAR), Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah berkata, jika cuaca buruk terutama ribut, paras air laut akan meningkat dua hingga tiga meter.

"Pada tahun lalu, paras laut hanya 5.35 meter tetapi pada tahun ini dijangka 5.41 meter di Pelabuhan Klang.

"Bagaimanapun, jika terjadi ribut ia akan memberi kesan kepada fenomena air pasang ini di mana kenaikan air akan meningkat sehingga dua ke tiga meter," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Sementara itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat akan menjalankan pemantauan dan kawalan 24 jam di kawasan yang berpotensi untuk menghadapi banjir jika terjadi air pasang besar melalui Ops Air Pasang Besar.


Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor Mohd Sani Harul berkata, pemantauan dilakukan selama tiga hari berturut-turut itu memfokuskan

kawasan Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Tanjung Karang.

"Seramai 1,400 anggota bersama 46 jentera bomba, 40 bot penyelamat dan 18 lori bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

"Ops ini dijalankan selama 24 jam sepanjang tempoh air pasang besar sehingga 18 November ini," katanya.

Sebelum ini, Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dalam satu kenyataan berkata, fenomena Supermoon pada tahun ini adalah yang terbesar.



DR Azizan

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 14 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

Nelayan pindahkan bot jauh dari pantai

Balik Pulau: Lebih 100 penduduk kampung sekitar Teluk Kumbar, di sini, bimbang fenomena Supermoon atau nama saintifiknya 'Lunar Pedigee' bakal mengundang air pasang besar di kampung mereka.

Penduduk Kampung Nelayan, Rozmi Zain, 47, berkata, dia pernah mendengar fenomena itu dan ia membimbangkannya dan nelayan lain yang tinggal di kawasan pesisiran pantai.

"Saya ada terbaca di laman sosial dan akhbar berkenaan kejadian Supermoon yang dikatakan boleh menyebabkan air pasang besar dan mendatangkan bahaya kepada penduduk.

"Namun, saya dan nelayan di kawasan ini membuat persediaan awal bagi menghadapi fenomena ini. Sekiranya air pasang besar, kami akan memindahkan peralatan dan kelengkapan menangkap ikan ke kawasan jauh dari pesisiran," katanya.

Rozmi yang lebih 20 tahun menetap di kampung berkenaan berkata, sepanjang menjadi nelayan dia pernah menghadapi bencana tsunami pada 2004 dan pengalaman itu paling teruk pernah dialaminya.

"Pengalaman dihempas ombak tsunami adalah yang paling teruk dialami penduduk di kawasan ini dan baru-baru ini, kawasan sekitar turut dilanda air pasang besar.

"Kini, kami hanya mampu berdoa dan bersedia sekiranya fenomena Supermoon ini menyebabkan air pasang besar," katanya.

Sementara itu, penduduk, Siti Fatimah Sapiee, 60, berkata, dia bimbang sekiranya fenomena Supermoon terjadi dan mengundang kejadian air pasang besar.

"Saya risau kerana tidak dapat bergerak tanpa bantuan orang lain dan seki-



Saya risau kerana tidak dapat bergerak tanpa bantuan orang lain dan sekiranya air pasang besar melanda, saya tidak tahu apa yang bakal terjadi"

Siti Fatimah

ranya air pasang besar melanda, saya tidak tahu apa yang bakal terjadi.

"Saya berdoa fenomena ini tidak mengundang air pasang besar di kawasan rumah saya dan penduduk lain yang tinggal kawasan ini," katanya yang menghidap penyakit saraf.

Khamis lalu, Bahagian Unit Penyelidikan Sains Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Zahira Mohd Radzi berkata, pihaknya tidak menafikan fenomena Supermoon mendatangkan kesan tarikan graviti yang lebih kuat ekor an-jajaran antara bumi dan bulan yang dekat, namun ia tidak mencetuskan bencana besar.

"Kejadian pasang surut laut disebabkan tarikan graviti bulan, kedudukan bumi dan matahari.

"Namun, Supermoon bukan faktor yang menyebabkan bencana seperti yang diviralkan di laman sosial berhubung fenomena berkenaan baru-baru ini," katanya.



ROZMI menjahit pukal di bangsainya di Kampung Nelayan, Teluk Kumbar.

Beware the king tides

WARNING: Those in low-lying areas must be wary of supermoon effect, says Met Dept

SIM BAK HENG
KUALA TERENGGANU
news@nst.com.my

WHILE enjoying the alluring beauty of the full moon today, coastal settlers and those in low-lying areas have to be wary of the supermoon effect as the gravitational pull from the moon is expected to trigger king tides in many parts of the world, including Malaysia.

The moon, which normally circles about 380,800km from the Earth, will be 27,200km closer at the peak of the supermoon today.

How will this impact Malaysia?

The latest tidal-level forecast from the Department of Survey and Mapping showed the coastal areas in western Sarawak and Port Klang would experience the highest tidal level in the country on two occasions today.

King tides of 5.01m and 5.12m will hit **Sejingkat** in western Sarawak at 2.53am and 3.35pm respectively, the highest level in the country.

In **Pulau Lakei**, also in western Sarawak, king tides measuring 4.39m and 4.48m will peak at 2.31am and 3.08pm respectively.

In **Port Klang**, king tides of 4.51m and 4.19m in height will be seen at 4.09am and 4.45pm respectively.

Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said it was undeniable that the supermoon phenomenon would cause king tides.

"The phenomenon will get worse if the king tides coincide with strong winds, thunderstorm and high waves, especially in the east coast of Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.



An earth-digger piling rocks to build a bund to face tidal king tides expected to hit Kampung Batu 5, Kapar, Klang, yesterday. Pic by Muhammad Sulaiman

"There is no indication of strong wind in Malaysian waters and heavy rainfall, at least for the next one week.

"However, rainfall is inevitable in view of the northeast monsoon season now.

"My reminder is that those in coastal and low-lying areas have to be extra careful," she said.

Other parts of the country that will see a tidal level above three metres are Johor Baru and Kukup in Johor, Pulau Langkawi in Kedah, and Tawau in Sabah.

Johor Baru's tides will peak at 3.03m and 3.2m at 10.02am and 10.52pm while Kukup's will peak at 3.5m and 3.14m at 9.29am and 10.17pm.

Pulau Langkawi and Tawau's tides will peak at 3.01m at 11.28pm, and 3.19m at 5.19pm.

Terengganu Survey and Mapping

Department director Hamdan Ab Aziz said the height of the king tides would depend on the topography of a particular area.

He said a one-metre tidal level was sufficient to inundate an area that was zero metre above sea level, while a 5m tidal level would not

cause any floods if it hit a high-lying area.

"Only local residents know if they are staying in low or high-lying areas. Using this and the data provided by the department as guidelines, it is sufficient to provide preventive measures."

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 14 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

Flood forecast now possible seven days in advance

KUALA LUMPUR: It is now possible to forecast floods seven days before they happen, allowing alerts to be issued to the public two days in advance.

At present, floods can only be forecast six hours earlier.

The Drainage and Irrigation Department is working on upgrading the system.

DID director-general Datuk Seri

Zulkefli Hassan said the Flood Forecast and Alert Programme (PRAB) issued early warnings that would make evacuation easier.

"This project will save lives and property, and lessen the damage on public infrastructure," he said here yesterday.

Zulkefli said RM550mil had been set aside for the PRAB.

"It involves 40 major river basins

where flood forecasts and alerts could be issued with support of data from the Meteorological Department."

There was also a need, he said, to increase public awareness on the importance of following early disaster warnings so authorities can conduct more coordinated assistance and rescue efforts.

As a long-term measure, Zulkefli

said serious attention should be given to a holistic approach to secure national water resources, including minimising the effects of climate change.

For this purpose, he said DID developed the National Water Balance System (Nawabs), a management tool to help make forecasts and alerts during water crisis or droughts. — Bernama

This project will save lives and property, and lessen the damage on public infrastructure.

Datuk Seri Zulkefli Hassan

'I want to be safe, not sorry'

Pregnant mum and family evacuate early in wake of high tides

By ALLISON LAI
newsdesk@thestar.com.my

KLANG: Having experienced terrifying flash floods at her home two months ago, pregnant mother Siti Nur Hazira Nordin is not leaving things to chance as she braces for another round of high tides at her village.

The 29-year-old from Kampung Tok Muda in Kapar here said her family packed necessities and important documents and moved to an evacuation centre.

"It's not safe to wait out the floods after these have hit, as I have two young kids and my in-laws to keep an eye on," she said at the Dewan Kampung Tok Muda evacuation centre here yesterday.

The homemaker, whose husband is a canopy supplier, recalled the morning of Sept 19, when flash floods struck and caught everyone off guard.

"My husband and my in-laws were busy saving things in the house while I held on tight to my kids as the water gushed into our house.

"The water rose to our knees; my kids became uneasy and started crying. Everything was so messy," she said.

This time, Siti Nur Hazira and her family wanted to be prepared.

"Besides, it has been raining in the evening the past few days. Better be safe than sorry," she added.

Two months ago, many areas of Kampung Tok Muda were inundated after a sea bund collapsed.

Last month, the entire Kampung Sementa at Batu 5 in Jalan Kapar, was off-limits for several days following flooding brought in by high tides and the partial collapse of a bund at nearby Sungai Keramat.

There was another round of high tides in mid-October.

Kampung Sementa villager Rozita Bahar, 47, whose house was badly damaged last month, said she and others would stay put and keep watch over the tides.

"The broken bund has been strengthened. I hope it will help keep the waters at bay this time," she said at her home.

The Selangor Disaster Management Committee secretary



Safe and dry: (above) Siti Nur Hazira and her children resting at Dewan Kg Tok Muda evacuation centre in Klang. (right) Villagers and volunteers preparing meals for evacuees.

Kol Ahmad Afandi Mohamad said 41 families with 159 people from Kampung Tok Muda registered at the evacuation centre as of 5pm yesterday.

Selangor Fire and Rescue Department assistant director (operations) Mohd Sani Harul said a 1,400-strong staff at all 32 stations throughout the state would be on standby.

Four areas are considered high-risk - Kampung Tok Muda and Batu 5 in Kapar here, and Kampung Sungai Air Tawar and Tebuk Mendeling in Sabak Bernam.

The Malaysian Meteorological Department said the king tides might be compounded by the north-easterly moonsoon that brought storms, strong winds and high waves, especially in the east coast and the coastal areas of Sabah and Sarawak.



However, it said strong winds and continuous downpours that could cause floods were unlikely to happen in the coming week.

"Residents in coastal and low-lying areas should continue to be cautious and adhere to authorities' advice," it added in a statement yesterday.

Meanwhile, the roof of an

orphanage at Jalan 20/2A in Taman Paramount, Petaling Jaya, caught fire after it was struck by lightning yesterday.

A spokesman from the department said they were alerted of the incident at about 4.25pm.

The spokesman said 70% of the roof was damaged. No one was injured.

Siap sedia hadapi Supermoon

JOHOR BAHRU

- Kerajaan Johor sudah mengarahkan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) untuk bersiap siaga bagi berdepan dengan sebarang kemungkinan berikutan fenomena bulan penuh Perigee.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam

Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, fenomena itu dijangka menyebabkan air pasang setinggi 3.2 meter di pesisir pantai Johor Bahru.

"Fenomena bulan penuh ini dapat dilihat esok dan ia memberi kesan kepada pasang surut air khususnya di pesisiran pantai Johor Bahru.

"Kita juga sudah meminta masyarakat yang tinggal di pesisiran pantai untuk bersiap sedia," katanya kepada pemberita pada sidang media Mini Karnival Sungai Skudai 2016, di sini, semalam.

Katanya, kerajaan negeri menerusi **Jabatan Meteorologi** juga sentiasa memantau dan memaklumkan keadaan itu dari masa ke semasa.

Fenomena bulan penuh atau Supermoon berlaku apabila bulan berada di kedudukan paling hampir



AYUB

dengan bumi, sekaligus membuatkan saiznya seolah-olah lebih besar daripada biasa.

Dalam perkembangan lain, Ayub berkata, Kerajaan Johor sedang membuat penambahbaikan terhadap Pelan Hala Tuju Sungai Skudai bagi

menjayakan usaha pemuliharaan dan meningkatkan indeks kualiti sungai berkenaan.

"Pelan asal yang dilancarkan pada tahun 2012 dan tamat pada 2015 itu tetapi distrukturkan semula kerana sepanjang tempoh berkenaan kemajuan pemuliharaan Sungai Skudai tidak mencapai sasaran seperti diharapkan.

"Jadi saya sifatkan ia satu kegagalan kerana tidak berjaya meningkatkan indeks kualiti air bersih sungai dari Kelas 3 kepada Kelas 2. Oleh itu kita struktur semula pelan ini bagi tujuan sama," katanya.

Menurutnya, pemuliharaan dan usaha meningkatkan indeks kualiti Sungai Skudai adalah penting kerana sungai itu merupakan antara bekalan sumber air di negeri ini.

Bendera merah sudah berkibar

Ia petanda musim laut bergelora, orang ramai diminta patuhi tanda amaran fenomena air pasang besar

■ NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN – Fenomena air pasang besar dijangka melanda kawasan perairan negeri ini bermula hari ini, justeru orang ramai dinasihatkan agar mematuhi tanda amaran yang diletakkan di kawasan pantai bagi mengelak berlakunya tragedi lemas.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) negeri, Zainal Yusoff berkata, orang ramai perlu sentiasa mengambil langkah keselamatan terhadap anak-anak mereka apabila melakukan aktiviti perkelahan di kawasan pantai.

"Ibu bapa, penjaga atau mana-mana individu perlu peka dengan tanda amaran seperti pengibaran bendera merah agar tidak mandi bagi mengelak kejadian buruk.

"Sekiranya terdapat aktiviti bersama keluarga, ibu bapa atau penjaga perlu mengawasi anak-anak tanpa membiarkan mereka bermain sendiri," katanya ketika dihubungi.

Beliau bagaimanapun berkata, pihaknya hanya boleh memberi amaran, namun terpujag kepada orang ramai untuk mengambil tindakan.

"Kita hanya boleh melarang, namun jika ada di antara mereka mahu terus mandi, kami tiada hak untuk



Bendera merah dinaikkan sebagai tanda amaran kepada orang ramai yang berkunjung ke pantai.

melarang.

"Ada pengunjung yang akur, ada juga yang tidak menghiraukan. Tetapi apa yang saya harapkan agar mereka patuhi amaran dengan melihat benda yang dipasang," katanya.

Katanya, kebiasaannya bendera merah dinaikkan apabila keadaan laut tidak sesuai untuk mandi dan keadaan musim laut bergelora.

"Kita naikkan bendera ini kerana keadaan laut dengan ombak besar berbahaya untuk sebarang aktiviti pantai," katanya.

Zainal juga memberitahu terdapat anggota APM akan bertugas setiap hari bermula 9 pagi hingga 7 malam untuk memantau kawasan pantai.

"Empat hingga enam anggota yang kita tempatkan di kawasan pantai untuk memantau aktiviti di perairan di persisiran pantai," katanya.

Pada 1 November lalu, Jabatan Meteorologi negeri menjangkakan negeri pantai timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang dijangka menjadi mangsa musim monsun timur laut pada pertengahan



Pengunjung hanya melakukan aktiviti riadah dan tiada sebarang aktiviti mandi dilihat di pantai tersebut.

November.

Jabatan itu memberi amaran air pasang sangat tinggi pada hari ini dan 14 Disember.

Sinar Harian turut melakukan tinjauan di tinjauan persisiran di Teluk Chempedak dan Pantai Balok mendapati bendera merah masih dinaikkan bagi memberi amaran penduduk setempat dan pelancong supaya tidak melakukan aktiviti di kawasan tersebut bagi mengelak bencana.

Sepanjang pemerhatian Sinar Harian tiada sebarang aktiviti man-

di-manda, sebaliknya hanya aktiviti riadah dilakukan oleh pengunjung di kawasan persisiran pantai itu.

Salah seorang pengunjung, Siti Aminah Aisyah Abdul Rahman, 29, berkata, dia amat peka dengan bendera merah yang dipasang oleh APM.

"Bila bendera merah dinaikkan itu menandakan ombak besar dan air pasang di kawasan pantai. Jadi saya datang ke sini, hanya untuk menghilangkan tekanan di samping bersuka ria dengan melakukan senaman atau aktiviti lain," katanya ketika ditemui.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (K2) : MUKA SURAT 27
TARIKH : 14 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

VARIA



Kawalan kualiti madu kelulut

PADA dasarnya madu kelulut mengandungi bahan-bahan seperti karbohidrat, protein, asid amino, vitamin, mineral, antioksidan, asid organik dan hidroksimetilfulfural (HMF).

Namun, tidak ramai yang mengetahui madu kelulut yang berkualiti tinggi mempunyai bahan antioksidan sepuluh kali ganda lebih tinggi daripada madu lebah.

Antioksidan merupakan bahan penting bagi membantu menghalang radikal bebas di dalam badan yang menjadi punca kepada pelbagai jenis penyakit.

Penentuan kandungan madu boleh dibuat di dalam makmal menggunakan peralatan yang bersesuaian seperti HPLC-MS (*High Performance Liquid Chromatography-Mass Spectrometry*) dan MS/MS (*Mass Spectrometry/ Mass Spectrometry*).

Ketika ini, penanda aras bagi menentukan ketulenan dan mutu madu adalah dengan menggunakan CODEX Standard For Honey 12-1981, Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Bagaimanapun, penentuan kualiti madu akan menggunakan pakai Standard Madu Kelulut yang sedang dibangunkan oleh pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)



Hab Pertanian
 Oleh Datuk Ahmad Zakaria Mohamad Sidek
 Ketua Pengarah Pertanian Malaysia
JABATAN PERTANIAN

dan Jabatan Standard.

Kualiti sesuatu madu yang dihasilkan lazimnya dipengaruhi beberapa faktor seperti kawasan penternakan, sumber makanan, pengurusan koloni, proses penuaian serta cara penyimpanan madu.

Proses penapaian misalnya berlaku disebabkan kandungan air yang tinggi serta kehadiran yis di dalam madu kelulut.

Proses itu akan menyebabkan madu yang terhasil berubah bau dan rasa serta beberapa perubahan fizikal.

Sekiranya dibiarkan berterusan, ia akan menyebabkan madu kelulut menjadi lebih masam manakala kombinasi yis, alkohol dan asid

asetik yang terhasil daripada proses itu juga dikhuatiri menyebabkan madu tersebut tidak sesuai dimakan.

CODEX Stan 12-1981 dan Akta Makanan Malaysia telah menetapkan bahawa jumlah kelembapan dalam madu tidak melebihi 20 peratus.

Kualiti Tinggi

Bagi menghasilkan madu kelulut berkualiti tinggi dan mengawal mutunya, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh pengusaha.

Paling kritikal ialah ketika proses penuaian di mana peralatan yang digunakan perlu bersih dan

pekerja pula perlu memastikan kebersihan diri dan sihat tubuh badan. Bekas simpanan yang digunakan juga perlu mematuhi peraturan makanan dan tahan asid, di samping mengurangkan kandungan air dalam

madu sebelum disimpan juga antara kaedah yang boleh digunakan ialah kaedah *double boiler* dan pemanasan terus (suhu tidak melebihi 45 darjah Celsius) dan sebaiknya disimpan pada suhu di bawah 45 darjah Celsius.

Bagi penyimpanan jangka panjang, madu kelulut perlu disimpan di tempat bersuhu rendah seperti peti sejuk.

Menyedari potensi penternakan ini, Jabatan Pertanian sedang dalam usaha untuk menerbitkan Manual Penternakan Lebah Kelulut dalam usaha menggalakkan orang ramai menyertainya.

Manual tersebut merangkumi cara penuaian dan penyimpanan madu kelulut yang sesuai untuk menjaga kualiti madu kelulut.

Sempena Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA 2016) yang akan diadakan pada 1 hingga 11 Disember 2016, orang ramai yang berminat untuk mempelajari teknik pindah koloni kelulut boleh mengunjungi Laman Florikultur di MAEPS, Serdang.

MADU kelulut yang tidak ditapis dan disimpan lama pada suhu bilik berwarna agak gelap.



MADU kelulut yang baru ditapis mempunyai warna yang cerah dan terang.



■ **Hashtag Jabatan Pertanian:**
 #jabatanpertanian
 #my1pertanian
 #myjabatanpertanian
 #tvpertanian
 #kelulutwalk2016
 #MAHA2016

■ Bagi mendapatkan maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pertanian Malaysia di talian **03-8870 3042/3050** dan faksimile **(03-8888 5069)** atau melayari portal Jabatan Pertanian Malaysia di www.doa.gov.my.